

SOALAN NO. :15

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]**

TARIKH : 26 MAC 2018 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah usaha dan inisiatif pihak Kementerian bersama PBT di setiap negeri untuk memperbaiki serta memulihkan kawasan-kawasan rekreasi yang di bawah pengurusan Jabatan Perhutanan yang terjejas teruk.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, kawasan industri eko-pelancongan berdasarkan hutan yang ditadbir urus oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) adalah sebanyak 118 buah yang meliputi 110 buah Taman Eko-Rimba (Hutan Lipur) dan lapan (8) buah Hutan Taman Negeri (HTN) yang terletak di Hutan Simpanan Kekal (HSK).

Kawasan Taman Eko-Rimba dan Hutan Taman Negeri ini diurus oleh Jabatan Perhutanan Negeri meliputi kerja-kerja pengurusan, kawalselia, pembinaan dan penyelenggaraan kawasan.

Pengurusan Taman Eko-Rimba dan Hutan Taman Negeri ini juga mendapat kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terutamanya bagi kerja-kerja pengurusan, penyelenggaraan dan pajakan seperti di Negeri Selangor, Pahang, Kedah, Negeri Sembilan dan Melaka.

Jabatan Perhutanan Negeri juga telah menerima peruntukan melalui peruntukan Pembangunan Negeri, Kumpulan Wang Pembangunan Hutan (KWPH), peruntukan Mengurus dan Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTAC) bagi tujuan penyelenggaraan. Selain itu juga JPSM turut mendapat kerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan dan swasta seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains, TELEKOM, TNB dan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO).

Sekian, terima kasih